

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/3/2013

MUKA 4 · MINGGUAN MALAYSIA

Pencerobohan Berdarah di Sabah

Laporan: (WARTAWAN) TARMIZI ABDUL RAHIM, ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, HISYAMUDDIN AYUB, ASSIM HASSAN dan MABULMADDIN SHAIDDIN
(JURUGAMBAR) RIDUAN RIZAL AHMAD, AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN dan ABDUL RAZAK LATIF

'Cermin diri sebelum hina pasukan keselamatan'

UM-17/3/2013

KUALA LUMPUR 16 Mac - Bekas Panglima Tentera Darat, Tan Sri Md. Hashim Hussein yang kini dijadikan pentas ceramah pembangkang untuk menghina dan memperkecilkan kemampuan anggota keselamatan diminta mencerminkan kemampuan diri terlebih dahulu.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, tindakan Md. Hashim yang menyifatkan kegagalan pihak berkuasa mengesan lebih awal kemasukan pengganas Sulu di Sabah sebagai 'sesuatu yang bodoh', memperlihatkan mentaliti sebenar bekas panglima itu.

Sambil menyifatkan Md. Hashim sebagai 'kacang lupukan kulit' beliau berkata, bekas Panglima Tentera Da-

rat itu hanya gah bercakap di pentas pembangkang sedangkan dia sendiri tiada sebarang pengalaman berperang dengan pengganas Sulu semasa berkhidmat dahulu.

"Jangan hanya gah bercakap kalau dia sendiri tiada pengalaman berdepan dengan pengganas Sulu ini. Mereka sudah 40 tahun berperang dengan tentera Filipina serta cukup terlatih dalam perang gerila. Md. Hashim ini tiada pengalaman berdepan dengan pengganas Sulu.


"Malah, saya percaya kalau dia



MD. HASHIM HUSSEIN

masih menjadi Panglima Tentera Darat sekarang, mungkin lebih teruk dihina dan dicerca rakyat Malaysia. Penghinaan dia ke atas anggota keselamatan sebenarnya terpercik ke muka sendiri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas penghinaan terbaru Md. Hashim dalam satu ceramah di Taman Serai Perdana, Baglan Serai malam tadi apabila menyifatkan kegagalan pasukan keselamatan mengesan kemasukan pengganas Sulu sebagai 'sesuatu

 Penghinaan dia (Md. Hashim) ke atas anggota keselamatan sebenarnya terpercik ke muka sendiri

AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Pertahanan

yang bodoh'.

Md. Hashim dipetik sebagai berkata: "Kalau dari mula pengganas dapat masuk, kita tidak dapat kesan, tidak ke bodoh? Apa maknanya ini? Selepas itu aset dan kapal kita yang dibeli begitu mahal, mana dia? Atau kita beli dengan mahal tetapi dapat aset yang murah."

Bekas panglima itu seterusnya mempersoalkan langkah kerajaan mengarahkan begitu ramai anggota

polis dan tentera untuk melawan pengganas Sulu yang disifatkannya 'cuma beberapa kerat sahaja' dan mendakwa kekuatan dua markas sebenarnya sudah mencukupi.

Md. Hashim turut menyatakan operasi memerangi pengganas di Sabah sepatutnya boleh diselesaikan dalam beberapa hari sahaja dengan mengambil peristiwa serangan militan di Sauk, Perak pada 2000 sebagai perbandingan.